Vol. 26 No. 2 (2026) Jurnal al- Sirat
https://doi.org/10.64398/alsirat.v26i2.610

Vol. 26 No. 2 (2026)
ISSN: 1823-4313 / e-ISSN: 2785-9169
https://ejournal.uniqsaas.edu.my/

PASANGAN BERDAMPINGAN: GILIRAN DAN STRUKTUR INTERAKSI WACANA WAWANCARA

ADJACENCY PAIRS: TURNS AND INTERACTIONAL STRUCTURE IN INTERVIEW DISCOURSE

Azean Idruwani Idrus[1], Maizatul Aliya Ashiqin Faizal[2]

[1,2] Kulliyyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kampus Pagoh, Muar, Johor, Malaysia

Abstrak

Wacana perbualan merupakan medium utama dalam komunikasi sosial yang memperlihatkan bagaimana makna dibina melalui pertukaran ujaran secara berurutan, kontekstual, dan terancang. Dalam konteks wawancara, interaksi antara pewawancara dan responden bukan sahaja berfungsi sebagai penyampaian maklumat, malah mencerminkan organisasi perbualan yang sistematik melalui struktur tertentu seperti pasangan berdampingan. Walau bagaimanapun, dalam konteks media digital yang semakin berkembang analisis sistematik terhadap pasangan berdampingan dalam konteks wawancara media digital masih kurang dianalisis secara mendalam dan konsisten. Keadaan ini menyebabkan pemahaman terhadap cara struktur interaksi dibina, dirunding, dan dikekalkan dalam wacana perbualan wawancara menjadi tidak menyeluruh serta bersifat fragmentari. Akibatnya, peranan sebenar pasangan berdampingan sebagai mekanisme teras dalam menstrukturkan interaksi tidak dapat dihuraikan secara empirikal dan komprehensif.Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pasangan berdampingan yang wujud serta menganalisis peranannya dalam membentuk struktur interaksi dalam wacana perbualan wawancara. Data kajian diperoleh daripada program Kerusi DJ Nazz Bersama Tuan Haji Zainal Rashid yang disiarkan di platform YouTube melalui saluran Molek TV. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk deskriptif dan analisis tematik berpandukan Teori Analisis Perbualan oleh John Heritage (1992). Data dikumpulkan melalui pemerhatian dalam talian secara berulang dan ditranskripsikan menggunakan konvensi Jefferson bagi memastikan ketepatan representasi interaksi. Dapatan kajian menunjukkan kewujudan lapan pola pasangan berdampingan, termasuk struktur soal–jawab, andaian–bantahan, dan pertanyaan–penjelasan. Pasangan berdampingan berfungsi sebagai mekanisme utama dalam mengorganisasikan turutan perbualan serta membina koherensi interaksi. Kesimpulannya, kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang struktur interaksi dalam wacana perbualan wawancara, khususnya dalam konteks media digital.

Kata Kunci: *Analisis perbualan, wawancara, pasangan berdampingan,*

Perkembangan Artikel

Diterima: 28 Oktober 2026
Disemak: 30 September 2026
Diterbit: 30 Oktober 2026

*Corresponding Author:
Azean Idruwani Idrus,
Kulliyyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kampus Pagoh, Muar, Johor, Malaysia
Email:
azeanidruwaniidrus@iium.edu.my

struktur perbualan,penggiliran bertutur

Abstract

Conversational discourse is a fundamental medium for social communication, demonstrating how meaning is constructed through sequential, contextual, and organized exchanges. In interviews, the interaction between the interviewer and the respondent serves not only to convey information but also reflects a systematic conversational structure through elements such as adjacency pairs. However, in the rapidly evolving landscape of digital media, a thorough analysis of adjacency pairs in digital media interviews is lacking in depth and consistency. This gap leads to an incomplete and fragmented understanding of how interactional structures are built, negotiated, and maintained within interview discourse. Consequently, the true role of adjacency pairs as a core mechanism for structuring interaction cannot be empirically and comprehensively elucidated. This study aims to identify the adjacency pairs present in interview discourse and analyze their role in shaping interactional structures. Data were collected from the program Kerusi DJ Nazz Bersama Tuan Haji Zainal Rashid, which is broadcast on the Molek TV YouTube channel. The study employs a qualitative approach with a descriptive design and thematic analysis, guided by John Heritage's (1992) theory of sequence analysis. Data were collected through repeated online observations and transcribed using Jeffersonian conventions to ensure accurate representation of interactions. The findings reveal the existence of eight adjacency pair patterns, including question–answer, assumption–rebuttal, and inquiry–explanation structures. Adjacency pairs function as a primary mechanism for organizing conversation and establishing interactional coherence. In conclusion, this study contributes to a deeper understanding of interactional structures in interview conversations, particularly in the context of digital media.

Keywords: *Conversation analysis, interview, adjacency pairs, conversational structure, turn-taking*

PENGENALAN

Perbualan merupakan bentuk interaksi sosial yang paling asas dan dominan dalam kehidupan manusia kerana melaluinya proses pertukaran maklumat berlaku secara langsung antara dua individu atau lebih, sama ada secara sedar mahupun tidak sedar. Perbualan boleh berlangsung dalam pelbagai konteks, termasuk formal dan tidak formal, yang masing-masing mempunyai struktur dan norma interaksi tersendiri. Dalam konteks formal seperti wawancara, interaksi lazimnya lebih tersusun serta dikawal oleh peranan tertentu seperti pewawancara dan orang yang diwawancara, manakala dalam konteks tidak formal, perbualan berlaku secara spontan dan kurang terikat kepada struktur tertentu. Dalam konteks media, khususnya program wawancara, elemen santai sering diselitkan bagi mewujudkan suasana komunikasi yang lebih terbuka dan mesra, sekali gus memudahkan pertukaran maklumat dan pembinaan hubungan antara partisipan (Omar Hazim Yaseen & Amthal Mohammed Abbas, 2021). Oleh itu, wawancara bukan sahaja berfungsi sebagai medium penyampaian maklumat, tetapi juga sebagai ruang interaksi yang kompleks dan dinamik. Seiring dengan itu, apabila perbualan berlangsung secara berterusan, fenomena pasangan berdampingan terbentuk secara semula jadi sebagai asas kepada organisasi interaksi. Pasangan berdampingan merujuk kepada pasangan ujaran yang saling berkaitan

seperti tanya–jawab, sapaan–balasan dan permintaan–persetujuan, yang berfungsi menggerakkan respons serta memastikan kesinambungan wacana. Dalam konteks wawancara, pasangan berdampingan bukan sahaja berperanan dalam penggiliran bercakap, malah turut menyumbang kepada pembinaan naratif, penciptaan emosi dan penyampaian mesej kepada khalayak (Heritage, 2020; Ballena, C. T (2021) Hal ini menunjukkan bahawa pasangan berdampingan memainkan peranan yang lebih luas daripada sekadar struktur linguistik asas, sebaliknya terlibat dalam pembentukan keseluruhan dinamika interaksi. Namun demikian, walaupun pasangan berdampingan diiktiraf sebagai unit asas dalam analisis perbualan, peranannya dalam membentuk struktur interaksi wacana wawancara masih belum difahami secara menyeluruh, bersepadu dan empirikal. Dalam realiti interaksi wawancara, komunikasi tidak berlaku secara linear atau terhad kepada pasangan respons dua hala semata-mata, tetapi melibatkan pengurusan giliran bertutur yang kompleks, kawalan agenda oleh pewawancara, pembinaan naratif oleh orang yang diwawancara, serta jangkaan audiens.

Ketiadaan penjelasan yang sistematik tentang bagaimana pasangan berdampingan berfungsi merentasi keseluruhan urutan interaksi menyebabkan struktur wacana wawancara sukar dihuraikan secara tepat dan menyeluruh (Mondada, 2021; Sidnell & Stivers, 2022). Hal ini demikian kerana aliran interaksi wawancara tidak dapat dimodelkan secara jelas, khususnya dalam menjelaskan bagaimana struktur asas seperti soalan–jawapan berkembang menjadi organisasi wacana yang lebih kompleks, termasuk pembentukan topik, subtopik dan penutupan segmen interaksi (Waring, 2021). Selain itu, fungsi sebenar pasangan berdampingan menjadi kabur, sama ada sebagai pencetus topik, alat peneguhan, mekanisme pembaikan atau strategi penutupan interaksi, kerana ketiadaan kerangka analisis yang mampu menghuraikan fungsi pelbagai dimensi secara bersepadu (Lee, 2022; Heritage, 2021).Seterusnya, variasi konteks wawancara sama ada formal, santai atau digital tidak dapat dijelaskan secara konsisten, sekali gus menyebabkan tafsiran terhadap struktur interaksi menjadi tidak stabil dan bergantung kepada konteks yang terhad (Herring, 2021; Nguyen & Do, 2022). Di samping itu, elemen multimodal seperti intonasi, jeda, ekspresi wajah dan gestur yang mempengaruhi pembentukan makna tidak diintegrasikan secara sistematik, walaupun interaksi wawancara masa kini semakin bersifat audiovisual. Hal ini menjadikan analisis bersifat holistik dan tidak mencerminkan realiti komunikasi sebenar (Park & Kim, 2024; Stivers, 2021).Implikasinya, ketiadaan kerangka analisis yang menyeluruh, bersepadu dan empirikal menyebabkan analisis wacana wawancara kekal terpisah-pisah serta gagal menghasilkan model yang kukuh dalam menjelaskan bagaimana interaksi dibina, dikawal dan ditafsir dalam konteks sebenar. Sehubungan itu, keperluan untuk meneliti peranan pasangan berdampingan secara sistematik dalam membentuk struktur interaksi wacana wawancara merentas pelbagai konteks penting bagi mengisi jurang konseptual dan metodologi dalam bidang analisis perbualan. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti jenis pasangan berdampingan yang wujud dalam perbualan wawancara serta menganalisis peranannya dalam membentuk struktur interaksi antara pewawancara dan orang yang diwawancara secara lebih menyeluruh dan bersepadu.

SOROTAN LITERATUR

Kajian oleh Zuriatin Haer et al. (2025) yang meneliti struktur perbualan dalam podcast Deddy Corbuzier bersama Jerome Polin menunjukkan bahawa pasangan berdampingan memainkan peranan signifikan dalam mengatur aliran interaksi, khususnya dalam wawancara tidak formal. Dapatan kajian tersebut memperlihatkan bahawa pola soalan–jawapan merupakan bentuk yang paling dominan, selaras

dengan fungsi wawancara sebagai medium pertukaran maklumat. Selain itu, walaupun wujud unsur gangguan seperti selaan, ketawa dan jeda, hubungan antara ujaran pertama dan kedua masih dapat dikekalkan dengan jelas. Hal ini mengesahkan bahawa pasangan berdampingan berfungsi sebagai mekanisme asas dalam mengekalkan kesinambungan interaksi dan kestabilan struktur perbualan (Yule, 1996). Seiring dengan itu, kajian oleh Wisal Hamid Fendi Khalaf dan Emad Hayif Sameer (2023) turut mengukuhkan peranan pasangan berdampingan dalam konteks wawancara, khususnya dalam domain sukan. Kajian ini mengenal pasti tujuh pola pasangan berdampingan yang digunakan dalam interaksi antara wartawan dan pemain, termasuk soalan–jawapan, penilaian–persetujuan dan tuduhan–penerimaan. Dapatan menunjukkan bahawa pola-pola ini bukan sahaja menyumbang kepada kelancaran interaksi, malah berfungsi sebagai strategi komunikasi dalam mengurus respons naratif. Namun demikian, kajian ini juga menemukan berlakunya pelanggaran prinsip maksim perbualan, khususnya maksim kuantiti dan cara penyampaian (Grice, 1975), yang berpunca daripada keperluan penutur memberikan jawapan yang lebih panjang dan bersifat penjelasan dalam situasi wawancara.

Dalam konteks yang lebih formal, kajian oleh Risa Umami et al. (2023) yang menganalisis wawancara Presiden Joko Widodo bersama pewawancara CNN menunjukkan bahawa pasangan berdampingan berfungsi sebagai struktur asas yang menghubungkan ujaran pertama (*first pair part*) dengan respons kedua (*second pair part*). Kajian ini menegaskan bahawa setiap ujaran dalam perbualan secara semula jadi menjangkakan respons tertentu daripada peserta lain, sekali gus memperlihatkan sifat sistematik dan terancang dalam organisasi interaksi. Kepentingan kajian ini terserlah kerana melibatkan komunikasi dalam konteks media antarabangsa yang formal serta berprofil tinggi. Perbincangan mengenai pasangan berdampingan turut diperluas dalam konteks pendidikan melalui kajian oleh Syams Fajar, Farouk Imam Arrasyid dan Haira Rizka (2023). Kajian ini menunjukkan bahawa interaksi dalam kelas EFL secara dalam talian tidak terhad kepada pola dua hala semata-mata, sebaliknya melibatkan rangkaian pasangan ujaran yang saling berkaitan. Sebanyak 12 jenis pasangan berdampingan telah dikenal pasti melalui analisis transkripsi perbualan kelas, sekali gus membuktikan bahawa pasangan berdampingan berfungsi bukan sahaja sebagai struktur linguistik, tetapi juga sebagai mekanisme komunikasi yang menyokong proses pembelajaran bahasa. Seterusnya, dalam konteks media sosial, kajian oleh Amelia Latifah dan Hero Gunawan (2024) terhadap video *Daebak Show* di YouTube menonjolkan bagaimana pasangan berdampingan beroperasi dalam interaksi santai tetapi bermakna. Kajian ini mengenal pasti sebanyak 106 pola pasangan berdampingan, termasuk soalan–jawapan, penilaian–persetujuan dan permintaan–penerimaan, yang mencerminkan struktur sosial komunikasi antara peserta. Dapatan ini memperlihatkan bahawa walaupun interaksi berlaku dalam suasana tidak formal, organisasi perbualan tetap dikawal oleh struktur yang sistematik dan berfungsi secara efektif. Sementara itu, kajian oleh Azean Idruwani Idrus et al. (2026) menunjukkan bahawa terdapat sekurang-kurangnya lapan jenis pasangan berdampingan yang membentuk aliran perbualan dalam wawancara televisyen, termasuk tegur–sapa, tanya–jawab, pertanyaan–sindiran dan keluhan–penjelasan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan Teori Analisis Perbualan Heritage (1992) untuk mengenal pasti turutan ujaran. Dapatan kajian menegaskan bahawa pasangan berdampingan memainkan peranan penting dalam memastikan kelancaran komunikasi serta menyusun struktur interaksi dalam wawancara televisyen.

Secara keseluruhannya, kesemua kajian ini menunjukkan bahawa pasangan berdampingan merupakan komponen teras dalam membentuk dan mengawal struktur interaksi dalam pelbagai

konteks, termasuk wawancara tidak formal, formal, pendidikan dan media sosial. Walaupun terdapat variasi dari segi bentuk, konteks dan tujuan komunikasi, fungsi asas pasangan berdampingan sebagai mekanisme yang menggerakkan respons dan memastikan kesinambungan wacana kekal konsisten. Namun demikian, dapatan-dapatan ini juga memperlihatkan bahawa peranan pasangan berdampingan melangkaui fungsi asas linguistik, sebaliknya turut melibatkan dimensi pragmatik, sosial dan kontekstual yang lebih kompleks. Oleh itu, pemahaman yang lebih menyeluruh dan bersepadu terhadap pasangan berdampingan amat penting bagi memperkukuh analisis struktur interaksi dalam wacana wawancara serta memperluas sumbangan dalam bidang Analisis Perbualan.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk deskriptif bagi meneliti penggunaan pasangan berdampingan dalam struktur interaksi wacana wawancara. Pendekatan kualitatif dipilih kerana kajian ini memberikan tumpuan terhadap bentuk, urutan dan fungsi ujaran yang berlaku secara semula jadi dalam interaksi antara pewawancara dengan orang yang diwawancara. Data kajian diperoleh daripada rakaman program *Kerusi DJ Nazz Bersama Tuan Haji Zainal Rashid* yang disiarkan melalui saluran Molek TV di platform YouTube. Rakaman tersebut dipilih sebagai sumber data kerana bentuk wawancara yang dipaparkan memperlihatkan interaksi secara langsung antara seorang pengacara dengan tetamu jemputan dan menyediakan data perbualan yang sesuai untuk dianalisis berdasarkan struktur pasangan berdampingan. Pemilihan rakaman wawancara yang melibatkan DJ Nazz sebagai pengacara dan Tuan Haji Zainal Rashid Ahmad sebagai tetamu jemputan dilakukan secara bertujuan berdasarkan kesesuaian akademik, latar belakang peserta dan bentuk interaksi yang berlaku. Pemilihan ini bukan semata-mata berdasarkan kewujudan rakaman tersebut di platform YouTube, tetapi mengambil kira keupayaan data untuk memperlihatkan hubungan antara peranan penutur dengan pembentukan struktur interaksi. Dalam konteks wawancara, pengacara lazimnya berperanan mengemukakan soalan, memperkenalkan topik, mengawal perkembangan perbualan dan memberikan ruang kepada tetamu untuk memberikan respons. Sebaliknya, tetamu berperanan memberikan maklumat, menjawab soalan, mengembangkan topik serta memberikan respons terhadap ujaran pengacara. Perbezaan fungsi komunikatif tersebut menyediakan konteks yang sesuai untuk mengenal pasti bentuk dan fungsi pasangan berdampingan dalam wacana wawancara.

Dari aspek latar belakang pengacara, DJ Nazz merupakan personaliti media yang terlibat dalam bidang penyiaran dan pengacaraan. Pengalaman beliau sebagai penyampai radio dan pengendali kandungan wawancara menjadikan beliau relevan sebagai peserta kajian kerana peranannya dalam interaksi bukan sekadar menyampaikan maklumat, tetapi turut melibatkan pengurusan aliran perbualan. Dalam rakaman yang dikaji, DJ Nazz bertindak sebagai pihak yang mengemukakan soalan, memberikan respons terhadap jawapan tetamu, memperkenalkan atau mengembangkan sesuatu topik serta mengatur kesinambungan perbualan. Keadaan ini membolehkan aspek pengambilan giliran, pertukaran giliran dan hubungan antara ujaran pertama dengan ujaran kedua diteliti secara lebih jelas.
Tuan Haji Zainal Rashid Ahmad pula dipilih sebagai tetamu jemputan kerana mempunyai latar belakang dalam bidang kewartawanan dan penulisan yang berkaitan dengan penghasilan serta penyampaian wacana. Latar pengalaman tersebut menjadikan beliau sesuai sebagai sumber data kerana respons yang diberikan dalam wawancara memperlihatkan keupayaan untuk memberikan maklumat, menjelaskan pengalaman, mengembangkan sesuatu topik dan memberikan respons terhadap soalan

yang dikemukakan oleh pengacara. Dari perspektif analisis perbualan, respons yang pelbagai tersebut menyediakan data yang dapat memperlihatkan bagaimana bahagian kedua sesuatu pasangan berdampingan dibentuk berdasarkan ujaran yang mendahuluinya.

Pemilihan kedua-dua peserta juga mempunyai kepentingan dari sudut peranan komunikatif dalam wacana wawancara. DJ Nazz berfungsi sebagai pewawancara yang mengurus dan mengarahkan perjalanan interaksi, manakala Tuan Haji Zainal Rashid Ahmad berfungsi sebagai orang yang diwawancara yang memberikan respons dan mengembangkan kandungan perbualan. Hubungan peranan tersebut membentuk suatu struktur interaksi yang bersifat berurutan dan membolehkan pengkaji meneliti bagaimana sesuatu ujaran menghasilkan jangkaan terhadap ujaran berikutnya. Misalnya, soalan yang dikemukakan oleh DJ Nazz lazimnya mewujudkan jangkaan terhadap jawapan daripada Tuan Haji Zainal Rashid Ahmad. Begitu juga, ujaran berbentuk penjelasan, penghargaan, andaian atau pertanyaan boleh menghasilkan bentuk respons tertentu yang melengkapkan urutan interaksi. Oleh itu, pasangan interaksi antara kedua-dua peserta ini sesuai dijadikan data untuk menganalisis struktur pasangan berdampingan dalam wacana wawancara.

Selain itu, pemilihan rakaman daripada platform YouTube mempunyai nilai akademik kerana medium digital tersebut menyediakan bentuk data wacana lisan yang dapat diteliti semula secara berulang. Rakaman audiovisual membolehkan pengkaji mengenal pasti bukan sahaja kandungan ujaran, tetapi juga urutan pertuturan, jeda, pertindihan ujaran dan perubahan giliran bertutur yang berlaku sepanjang interaksi. Hal ini selaras dengan keperluan analisis perbualan yang menekankan pemerhatian terhadap organisasi interaksi berdasarkan urutan ujaran yang berlaku secara nyata dalam sesuatu peristiwa komunikasi. Dalam kajian ini, data daripada wawancara digital digunakan untuk memperlihatkan bagaimana pasangan berdampingan berfungsi sebagai mekanisme yang mengorganisasikan aliran interaksi antara pewawancara dengan tetamu.

Rakaman yang dipilih kemudiannya dimuat turun daripada saluran Molek TV di YouTube dan ditonton secara berulang bagi mengenal pasti bahagian-bahagian interaksi yang mempunyai ciri pasangan berdampingan. Pemerhatian secara berulang dilakukan bagi memastikan setiap urutan ujaran dapat dikenal pasti berdasarkan konteks interaksi yang lengkap. Data lisan kemudiannya ditranskripsikan daripada bentuk pertuturan kepada bentuk bertulis bagi membolehkan proses pengkodan dan analisis dilakukan secara sistematik.

Penghasilan transkripsi dibuat berdasarkan sistem transkripsi Jefferson (1985, 2004**)** kerana sistem tersebut sesuai digunakan untuk merekodkan ciri-ciri penting dalam data perbualan secara terperinci. Pengkaji mengekalkan unsur-unsur yang relevan dalam pertuturan seperti jeda, pertindihan ujaran, pemanjangan bunyi, tekanan dan perubahan intonasi apabila unsur tersebut mempunyai kaitan dengan pembentukan struktur interaksi. Penggunaan konvensi transkripsi ini membolehkan data lisan direpresentasikan dalam bentuk bertulis tanpa menghilangkan ciri-ciri interaksi yang penting untuk tujuan analisis. Data yang telah ditranskripsikan seterusnya dianalisis secara deskriptif berdasarkan Teori Analisis Perbualan oleh Heritage (1992**)**. Analisis memberi tumpuan kepada pengenalpastian pasangan berdampingan yang wujud dalam data serta penelitian terhadap fungsi pasangan tersebut dalam membentuk dan mengorganisasikan struktur interaksi. Setiap pasangan dianalisis berdasarkan hubungan antara ujaran pertama dengan ujaran kedua serta konteks penggunaannya dalam wawancara. Berdasarkan proses analisis tersebut, pengkaji mengenal pasti lapan jenis pasangan berdampingan yang membentuk struktur interaksi dalam wacana wawancara. Dapatan tersebut kemudiannya dihuraikan

berdasarkan fungsi dan peranan setiap pasangan dalam memastikan kesinambungan, koherensi dan keteraturan interaksi.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian mendapati terdapat lapan jenis pasangan berdampingan yang membentuk struktur interaksi dalam wacana wawancara. Dapatan ini menunjukkan bahawa organisasi perbualan tidak hanya bergantung kepada pola asas seperti soal–jawab, tetapi turut melibatkan variasi respons yang lebih kompleks dan kontekstual, sekali gus mencerminkan sifat dinamik interaksi antara pewawancara dan orang yang diwawancara.

1. Pasangan berdampingan soal-jawab

Dialog (1):

DJ NAZZ: So maksudnya **waktu you sekolah menengah** memang takda (1.3) **hala tuju hidup nak jadi penulis [**begitu begini memang takda? **=**
ZAINAL RASHID: **=Takda],Takda** saya bergaduh je, bergaduh, bergaduh, bergaduh sampai jadi satu kes polis.

Pasangan berdampingan yang digunakan ialah soal–jawab, apabila DJ Nazz mengemukakan soalan bagi mengetahui hala tuju hidup Zainal Rashid semasa zaman persekolahan menengah. Soalan yang dikemukakan berfungsi untuk mencungkil maklumat latar belakang berkaitan minat dan arah kehidupan responden, sejajar dengan dapatan bahawa soalan dalam wawancara berperanan sebagai mekanisme pengawalan topik dan penghasilan respons naratif (Heritage & Clayman, 2010; Stivers & Robinson, 2021). Seterusnya, pasangan berdampingan soal–jawab ini berkembang melalui pertanyaan lanjutan (follow-up question) bagi mendapatkan kepastian tentang tempoh dan fasa tertentu dalam kehidupan Zainal Rashid. Strategi ini mendorong responden memberikan penjelasan yang lebih terperinci mengenai pengalaman awal beliau. Fenomena ini menunjukkan peluasan pasangan berdampingan melalui pertanyaan susulan meningkatkan kejelasan maklumat dan memperkayakan struktur naratif dalam interaksi wawancara (Kendrick et al., 2020). Selain itu, respons “Takda” yang diberikan secara bertindih (=) menunjukkan ciri overlap dalam perbualan, yang masih mengekalkan kesepadanan struktur pasangan berdampingan tanpa menjejaskan kefahaman interaksi. Hal ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat gangguan mikro dalam aliran pertuturan, organisasi pasangan berdampingan tetap berfungsi sebagai mekanisme asas untuk memastikan kesinambungan makna (Steensig & Drew, 2022). Secara keseluruhannya, dapatan ini membuktikan bahawa pasangan berdampingan soal–jawab bukan sahaja berfungsi sebagai struktur asas interaksi, malah membantu memperkukuh kefahaman pendengar melalui penyusunan maklumat secara berurutan dan responsif. Ini menyokong pandangan bahawa organisasi berpasangan dalam perbualan memainkan peranan penting dalam pembinaan makna dan pengurusan wacana secara kolaboratif dalam konteks wawancara (Stivers & Sidnell, 2021; Clift, 2023).

2. Pertanyaan-bantahan

Dialog (2):

DJ NAZZ: Four years meaning starting…. (0.7)

ZAINAL RASHID: starting 1884, 1888
DJ NAZZ: waktu jadi budak hippies tu? (2.3)
ZAINAL RASHID: *No* [ ] bila saya datang pasar. (1.0) Saya datang pasar Chow kit saya dah baca bumi manusia, (0.6) saya baca *For Whom the Bell Tolls* (0.9) saya dah baca (0.6) *The Light of August*. (0.9)

Berdasarkan dialog (2), berlaku pasangan berdampingan berbentuk pertanyaan–bantahan antara kedua-dua peserta. Pola ini terhasil apabila satu pihak mengemukakan pertanyaan, manakala pihak yang lain memberikan respons dalam bentuk bantahan terhadap andaian atau premis soalan tersebut. Dalam petikan ini, bantahan ditandai secara eksplisit melalui penggunaan leksikal "*N*o", yang menunjukkan penolakan secara langsung sebelum penutur mengemukakan penjelasan alternatif. Fenomena ini memperlihatkan bahawa respons dalam pasangan berdampingan tidak semestinya berbentuk kesepakatan, sebaliknya boleh merangkumi penolakan, pembetulan, atau pengubahsuaian terhadap maklumat yang diasumsikan dalam pertanyaan (Schegloff & Sacks, 1973). Respons berbentuk bantahan ini dikategorikan sebagai *dispreferred second pair part*, iaitu respons yang secara struktur sosial kurang dijangka berbanding persetujuan, namun tetap sah dalam organisasi giliran percakapan (Heritage, 2012; Sidnell & Stivers, 2013). Penolakan secara langsung tanpa mitigasi, seperti penggunaan *"No"* di awal ujaran, mencerminkan strategi kejelasan makna (clarity-oriented response) yang lazim dalam konteks wawancara atau wacana institusional (Kendrick & Drew, 2016; Robinson, 2020). Selain itu, Susan Ehrlich & Alice F. Freed (2009) dan Stivers (2021) menjelaskan bahawa bentuk bantahan eksplisit sering digunakan untuk membetulkan praandaian yang tidak tepat dalam soalan, sekali gus mengekalkan ketepatan maklumat dalam interaksi. Sehubungan itu, dapatan ini menunjukkan bahawa pasangan berdampingan pertanyaan–bantahan bukan sahaja berfungsi sebagai mekanisme respons, tetapi juga sebagai alat pembetulan epistemik dalam perbualan. Hal ini selari dengan perkembangan kajian mutakhir yang melihat interaksi perbualan sebagai ruang rundingan makna dan pengurusan pengetahuan antara peserta (Heritage, 2012; Robinson, 2020; Stivers, 2021).

3. Pasangan berdampingan sindiran-sindiran

Dialog (3):
DJ NAZZ: Buku orang putih ehh?=
ZAINAL RASHID: (buku orang putih hahahaha)

ZAINAL RASHID: =Agak-agak ada buku melayu kan. Bila saya pergi CM tu (1.4) komuniti buku ni besar, orang dah baca sastera rusia, orang dah baca (1.0) macammacam la ⬆️ .

Berdasarkan dialog (3) tersebut, kewujudan pasangan berdampingan sindiran–sindiran, iaitu satu bentuk interaksi perbualan di mana pertanyaan yang dikemukakan tidak bertujuan mendapatkan maklumat secara literal iaitu 'ya' atau 'tidak', sebaliknya mengandungi unsur sindiran terhadap topik yang dibincangkan. Dalam dialog ini, DJ Nazz mengemukakan pertanyaan "Buku orang putih ehh?" yang secara struktur merupakan ayat tanya tertutup. Namun begitu, dari sudut pragmatik, ujaran

tersebut berfungsi sebagai tindakan sosial yang menyindir kecenderungan komuniti pembaca yang lebih mengutamakan bahan bacaan Barat berbanding karya tempatan. Menurut Heritage (1992), pertanyaan dalam perbualan bukan sekadar alat memperoleh maklumat, malah mencerminkan sikap dan penilaian sosial penutur. Dapatan ini selari dengan kajian terkini yang menegaskan bahawa soalan dalam interaksi institusional sering membawa makna implisit seperti penilaian, ironi dan sindiran (Stivers & Sidnell, 2020; Clayman, 2021). Respons yang dikemukakan oleh Zainal Rashid, "buku orang putih hahahaha", memperlihatkan penerimaan terhadap sindiran tersebut melalui gelak ketawa, sekali gus menunjukkan kewujudan kefahaman bersama antara penutur dan pendengar. Tawa dalam respon ini juga menunjukkan strategi meredakan ketegangan serta mengukuhkan hubungan interpersonal. Unsur ketawa dalam perbualan berperanan sebagai penanda penjajaran (alignment) dan solidariti sosial antara peserta interaksi (Glenn & Holt, 2021). Selain itu, penjelasan lanjut oleh Zainal Rashid tentang kecenderungan komuniti pembaca terhadap sastera asing menunjukkan bagaimana sindiran mampu mendorong penutur kedua memberikan huraian yang lebih mendalam. Menurut Schegloff (2007), pasangan berdampingan bukan sahaja membentuk struktur asas perbualan, malah membolehkan perluasan topik dan penyampaian pendirian secara tidak langsung. Secara keseluruhannya, analisis ini memperlihatkan bahawa pasangan berdampingan sindiran–sindiran bukan sahaja berperanan sebagai struktur asas dalam perbualan, tetapi turut menjadi medium penyampaian makna tersirat, pembinaan hubungan sosial, dan pengembangan wacana dalam interaksi wawancara kontemporari.

4. Pertanyaan-penjelasan

Sementara itu, pasangan berdampingan pertanyaan–penjelasan ialah sebuah bentuk interaksi dalam perbualan apabila penutur mengemukakan pertanyaan yang menuntut respons berbentuk penjelasan daripada penutur lain. Dalam konteks ini, pasangan berdampingan memperlihatkan hubungan responsif yang saling melengkapi antara penutur dan pendengar, sekali gus membentuk kesinambungan wacana (Heritage, 1992; Thompson et al., 2021). Hal ini demikian kerana pertanyaan terbuka dalam pasangan berdampingan berperanan sebagai strategi elisitasi maklumat yang kompleks dan memperluas ruang naratif responden (Kendrick et al., 2020; Stivers, 2022).

Dialog (4):

DJ NAZZ: Berbalik kepada menulis tadi (0.3) **macam mana haji bole (0.6) tahu yang haji (0.9) boleh menulis? Pandai menulis dan (0.5) rupanya (0.6) boleh hantar?**
ZAINAL RASHID: Saya ada kawan (0.2) nama Zaen Kasturi (1.7) =okey Bila kami sama-sama susah, (0.9) kami sewa satu bilik (0.7) kecil je bilik tu kat (0.5) medan tuanku. (1.0) =ouh Macam bilik setinggan la (0.5) rumah kedai di bilik-bilik kan. (0.7) Zaen tu ade dua mesin taip. (1.2) Bila saya tak pergi shooting, saya kan shooting kerja saya dua minggu habis break, nak tunggu drama lain kan, (0.4) =hm hm Saya lepak di rumah. (1.1) Bila dia tulis (0.5) dia habis dia letak bahan dia tu selalu saya ambil saya suka baca. (0.5) Dia bagi dia mengganggu cerpen tu belum habis. (1.2) =hm hm Jadi dia kata (0.4) aku ada satu mesin taip, kau ambil kau tulis. (0.7) =hm Jadi dia pun tulis saya pun tulis. (1.1) =hmm Jadi bila saya tulis je, Zaen kau baca. (1.1) =ouhhh Dia terus bagitahu saya, (1.1) esok kau kirim kat sini. (0.9) Tapi kirim kat mana-mana la. (0.8)

Pasangan pertama dalam Dialog (4) merupakan pertanyaan terbuka yang menggunakan adverba tanya "macam mana". Pertanyaan jenis ini diklasifikasikan sebagai soalan terbuka yang tidak

mengehadkan respons kepada jawapan binari, sebaliknya menggalakkan penjelasan yang lebih luas dan mendalam. Bentuk interrogatif terbuka meningkatkan kebarangkalian respons yang panjang, reflektif, dan berlapis dari segi makna (Thompson et al., 2021).Kata tanya "macam mana" dalam Dialog 4(i) yang dikemukakan oleh penutur menunjukkan bahawa penutur pertama tidak mengharapkan jawapan "ya" atau "tidak", sebaliknya memerlukan penjelasan terperinci berkaitan proses menjadi seorang penulis. Pertanyaan ialah tindakan sosial yang direka untuk mendapatkan maklumat dan menyempurnakan giliran percakapan. Selain itu, pertanyaan dianggap sebagai sumber interaksional yang membolehkan penutur mengawal arah perbualan dan membentuk jangkaan respons (Kendrick et al., 2020; Stivers, 2022). Ayat tanya terbuka ini juga berfungsi untuk memperoleh maklumat yang pelbagai di luar jangkauan penutur (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2025). Justeru, pewawancara memainkan peranan penting dalam memastikan khalayak memperoleh maklumat yang kaya melalui strategi pertanyaan terbuka yang dirancang secara interaksional. Sementara itu, dalam Dialog 4(ii), ODW memberikan penjelasan mengenai permulaan penglibatannya dalam bidang penulisan melalui naratif pengalaman peribadi. Respons ini menunjukkan ciri respons kedua yang berkembang secara elaboratif hasil daripada pertanyaan terbuka yang dikemukakan oleh P. Hal ini selari dengan dapatan bahawa respons terhadap pertanyaan terbuka cenderung bersifat naratif, reflektif dan memperlihatkan pembinaan identiti diri dalam interaksi (Thompson et al., 2021). Selain itu, melalui pertanyaan terbuka, ODW berpeluang mengungkapkan fikiran dan meluahkan perasaan secara lebih bebas. Secara keseluruhannya, turutan pasangan berdampingan ini memperlihatkan bahawa strategi pertanyaan terbuka bukan sahaja berfungsi untuk mendapatkan maklumat, malah berperanan dalam merangsang pemikiran kritis, memperluas wacana, dan meningkatkan keterlibatan audiens dalam konteks wawancara. Hal ini menyokong pandangan bahawa struktur adjacency pairs merupakan asas penting dalam pembinaan interaksi sosial yang bermakna dan berfungsi (Stivers, 2022).

5. Pasangan berdampingan perintah-pemberian maklumat

Pasangan berdampingan perintah–pemberian maklumat merupakan ujaran yang diujarkan oleh penutur bagi membolehkan rakan tutur bertindak balas terhadap arahan yang diberikan. Ujaran perintah ini lazimnya diikuti dengan pemberian maklumat berbentuk keterangan atau penjelasan seperti yang ditunjukkan dalam Dialog (5) di bawah:

Dialog (5):

DJ NAZZ: haji (0.8) saya pernah tingkatan 4. Saya pernah baca satu buku, DetikDetik Diri di Daerah Daif. First time saya baca buku tu, baru saya tahu bahawa penulisan boleh secantik itu. Haji pernah belajar dengan saya dengar-dengar dengan Shahnon Ahmad. **Ceritakan pada saya ni tentang Shahnon Ahmad**

ZAINAL RASHID: **Father figure ⬆️ dia memang, siapa sahaja yang jumpa Shahnon at personal dia adalah father figure**. Saya masa saya belajar dengan dia ni, dia tak banyak ajar tentang sastera, dia bagi saya freedom sampai satu masa result saya punya cerpen ni dia panggil saya. Dia kata "Zainal saya bagi you A+" saya kata kenapa? "Saya tak faham apa you tulis." Sebab dia datang daripada penulisan sastera konvensional, saya datang daripada eksperimental. Dan saya masih ingat cerita dia adalah Loceng Yang Berbunyi. >Dia tak faham< tapi bagi A+. Tapi masa tu saya tak panggil dia prof, saya panggil dia cikgu saya cakap >terima kasih la cikgu<. Saya kata "saya harap cikgu bagi ni ada sebab yang lain la. Dia kata sebab bahasa kamu sangat luar biasa. Saya baca cerita ni sampai habis walaupun

saya tak faham kerana bahasa kamu sangat bagus.

Dalam dialog 5, ujaran "ceritakan pada saya tentang Shahnon Ahmad" jelas memperlihatkan bentuk ayat perintah. Ayat perintah digunakan untuk meminta atau mengarahkan seseorang melakukan sesuatu, dan boleh diklasifikasikan kepada larangan, permintaan, silaan serta suruhan (Muhamad Haszif Muhamad Yusof & Fazal Mohamed Mohamed Sultan). Dalam konteks ini, ayat perintah berbentuk silaan digunakan secara sopan bagi mengundang respons, sekali gus mencerminkan strategi kesantunan linguistik dalam interaksi (Brown & Levinson, 1987). Penggunaan bentuk silaan ini menunjukkan bahawa pewawancara bukan sahaja mengawal struktur perbualan, tetapi turut mengurus hubungan interpersonal melalui pemilihan bentuk bahasa yang santun. Tindakan direktif dalam wawancara tidak semestinya bersifat autoritatif, sebaliknya boleh berfungsi sebagai mekanisme fasilitatif untuk menggalakkan peluasan respons (Kendrick, 2020; Rossi, 2020). Ayat perintah yang dituturkan oleh (P) kepada (ODW) dalam konteks ini berfungsi sebagai isyarat keizinan untuk ODW mengembangkan naratif berkaitan tokoh Shahnon Ahmad. Ini sejajar dengan konsep pembentukan tindakan dalam analisis perbualan yang menekankan bahawa setiap ujaran membawa jangkaan tindakan balas tertentu dalam urutan interaksi (Heritage, 1992; Levinson, 2013; Stivers, 2022). Sementara itu, Zainal Rashid mengambil giliran dengan memberikan maklumat secara terperinci mengenai figura Shahnon Ahmad. Respons ini memenuhi jangkaan struktur pasangan berdampingan, iaitu bahagian kedua yang melengkapkan bahagian pertama dalam bentuk pemberian maklumat. Ujaran tersebut memperlihatkan bahawa ODW memberikan respons yang relevan, koheren dan bersifat elaboratif, selari dengan prinsip preference organization yang mengutamakan respons yang sejajar dengan tindakan awal (Pomerantz & Heritage, 2013; Stivers, 2022).Kewujudan pasangan berdampingan dalam perbualan bukan bertujuan menentukan tingkah laku penutur secara deterministik, tetapi lebih kepada menyusun dan menstrukturkan aliran interaksi (Heritage, 1992: 248). Hal ini menunjukkan pasangan berdampingan memainkan peranan penting dalam memastikan kebolehramalan respons, pengurusan giliran bertutur serta kejelasan tindakan komunikatif dalam wacana institusional seperti wawancara (Kendrick, 2020; Stivers, 2022).

6. Pasangan berdampingan pemberian penghargaan - pemberian penghargaan

Pasangan berdampingan pemberian penghargaan merujuk kepada suatu bentuk interaksi dua hala yang melibatkan satu ujaran awal yang berfungsi sebagai penghargaan seperti pujian atau pengiktirafan diikuti satu ujaran balasan yang sesuai mengikut konteks tertentu bagi melengkapkan makna dan tujuan interaksi tersebut (Robinson, 2020; Heritage & Clayman, 2021). Struktur ini memperlihatkan kebergantungan antara ujaran pertama dan kedua dalam memastikan kesinambungan interaksi yang koheren serta mematuhi norma kesantunan berbahasa.

Dialog (6) :

DJ NAZZ: Haji terima kasih kerana sudi duduk di Kerusi Dj Nazz ni
ZAINAL RASHID: ohhhh terima kasih ⬆️

Dj Nazz mengucapkan "terima kasih kerana sudi duduk di kerusi Dj Nazz ini" sebagai tanda penghargaan terhadap kesudian Zainal Rashid menghadiri serta meluangkan masanya bersama Dj Nazz

dalam sesi wawancara tersebut. Pemberian penghargaan ini kemudiannya disambut dengan sopan oleh Zainal Rashid melalui ujaran "ohhhhh terima kasih ⬆️" sebagai respons balas terhadap penghargaan yang diberikan. Respons ini menunjukkan pematuhan terhadap jangkaan sosial dalam pasangan berdampingan jenis penghargaan–balasan penghargaan, sekali gus mengekalkan keharmonian interaksi (Pillet-Shore, 2020; Fox & Heinemann, 2021). Ungkapan terima kasih merupakan lafaz yang sering diucapkan oleh seseorang kepada individu lain sebagai tanda menghargai kebaikan yang telah dilakukan ke atas dirinya. Perkara ini telah dibuktikan oleh Dj Nazz dan Zainal Rashid yang melafazkan ungkapan tersebut sebagai tanda pengiktirafan perbuatan masing-masing. Menurut Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2026) , perbuatan berterima kasih merupakan suatu amalan yang terpuji serta disukai sesama insan. Dalam konteks pragmatik, ekspresi penghargaan ini juga berfungsi sebagai strategi kesantunan positif yang memperkukuh hubungan interpersonal.Penggunaan pasangan berdampingan ini memberi implikasi positif iaitu dapat mewujudkan hubungan yang sihat dan baik antara satu sama lain. Menurut Handoko (2025), sangatlah penting menunjukkan rasa berterima kasih dan penghargaan untuk mewujudkan hubungan yang baik antara rakan sekerja, pelanggan dan masyarakat. Walaupun perbuatan ini sangat mudah tetapi sangat bermakna untuk membalas atau memberi penghargaan antara satu sama lain. Hal ini menunjukkan amalan penghargaan dalam interaksi harian mampu meningkatkan keakraban sosial serta keberkesanan komunikasi interpersonal (Algoe et al., 2020).

7. Pasangan berdampingan andaian-bantahan

Dialog (7):

> DJ NAZZ: saya tertanya-tanya ada tak dalam diri pernah rasa sombong dalam hati?
> **Kita mesti ada kan..**
> ZAINAL RASHID: **Dia jadi subjektif la**. ⬆️ You **(0.2) [**orang evaluate kita DJ NAZZ: Orang kagum haji kan**]**. ⬆️ Saya tengok pun saya kagum itu ini bagai semua, pernah tak you rasa macam=
> **ZAINAL RASHID:= dengan nama Allah, tidak**

Dialog (7) menunjukkan penggunaan pasangan berdampingan andaian–bantahan apabila DJ Nazz membuat andaian bahawa seseorang yang sering dipuji dan dikagumi mungkin mempunyai rasa sombong dalam diri. Andaian sebegini berfungsi sebagai bahagian pertama yang mengundang respons penilaian atau penjelasan daripada pemeran (Kendrick, 2020; Robinson, 2020). Andaian ini bertindak sebagai rangsangan untuk mendapatkan respons reflektif daripada Zainal Rashid. Zainal Rashid membantah andaian tersebut dengan menyatakan bahawa perkara tersebut bersifat subjektif dan bergantung kepada penilaian orang lain. Tindak balas ini menepati ciri dispreferred response yang lazimnya hadir dalam bentuk penolakan, penafian atau pembetulan terhadap andaian awal (Pomerantz & Heritage, 2013; Stivers, 2021). Seterusnya, beliau sekali lagi membantah andaian tersebut melalui penegasan yang jelas dan bersandarkan prinsip keagamaan ("dengan nama Allah, tidak"), yang memperkukuh pendirian serta menutup ruang spekulasi. Bantahan ini berfungsi untuk menolak persepsi negatif serta mempertahankan imej diri penutur, selaras dengan dapatan kajian terkini yang menunjukkan bahawa strategi penafian dalam interaksi sering digunakan bagi mengurus identiti dan

imej diri dalam situasi wawancara (Lee, 2022). Hal ini menunjukkan bahawa pasangan berdampingan andaian–bantahan bukan sahaja membetulkan tanggapan, malah berperanan menegaskan pendirian dan mengawal naratif diri dalam komunikasi.

8. Pasangan berdampingan andaian-penjelasan

Dalam perbualan lazimnya wujud penutur yang sering membuat tafsiran awal atau sangkaan tertentu berdasarkan konteks serta maklumat sedia ada. Sehubungan itu, pasangan berdampingan andaian-penjelasan merujuk kepada bentuk interaksi yang memperlihatkan ujaran awal berbentuk andaian oleh penutur diikuti oleh ujaran balasan yang berfungsi memberi penjelasan sama ada untuk membetulkan, mengesahkan atau menerangkan sesuatu andaian serta maklumat yang diterima supaya wujud kefahaman bersama. Situasi dapat dilihat dalam dialog (8):

Dialog (8):

DJ NAZZ: **saya ingat budaya membaca sekarang dah makin kurang sebab saya ingat kerana hantaran orang banyak dengan media sosial ni handphone je**, haji kata membaca dekat ni saya dengar haji cakap it's a leasure reading betul ke?
ZAINAL RASHID:**(** mengangguk kepala tanda ya**)** DJ
NAZZ: baik atau tidak? Ke budaya macam mana?
ZAINAL RASHID: dia ada fasa baru kalau ditanya dengan orang yang mengkaji data dengan mengatakan budaya membaca rakyat malaysia 1.9 muka surat kan. Rakyat Malaysia 1.9 muka surat kan itu kaedah lama kita nak study tentang budaya membaca kaedah baru adalah grom. Dulu kita bagi tahu kan baca buku ni ulat buku. Tapi kita kata ni book is a maxine. You ada problem demam sikit ambil panadol as pain killer, you ada problem you berada dalam titik terendah you need the book. Saya kata dekat dia kalau you pergi cakap titik terendah kepada pakar, pakar akan serve you dengan teori kalau you pergi cakap titik terendah dengan kawan kan maybe kawan tu pun kata boleh dengar je. Okey tapi >you find the good book< yang saya rekomen buku-buku yang boleh encourage dan boleh improve you titik terendah baru la orang faham ⬆️ . **Mereka membaca bukan kerana untuk knowledge mereka membaca bukan kerana untuk kelihatan seperti ulat buku modern days orang baca buku adalah untuk change the life.**

Berdasarkan dialog di atas, Dj Nazz menyatakan pendapat peribadinya bahawa amalan budaya membaca semakin berkurang dalam kalangan masyarakat pada masa kini. Pandangan tersebut dikemukakan berdasarkan pemerhatiannya terhadap beberapa hantaran netizen di media sosial yang menunjukkan bahawa kebanyakkan masyarakat kini lebih cenderung untuk menghabiskan masa mereka bermain telefon bimbit berbanding aktiviti membaca. Oleh itu, Zainal Rashid memberi penjelasan yang sangat baik berdasarkan andaian yang telah dibuat oleh Dj Nazz. Zainal Rashid mengatakan ***"Mereka membaca bukan kerana untuk knowledge mereka membaca bukan kerana untuk kelihatan seperti ulat buku modern days orang baca buku adalah untuk change the life".*** Perkara yang dimaksud oleh Zainal Rashid adalah masyarakat kini kurang membaca bukan disebabkan oleh tiada minat atau terpengaruh dengan telefon pintar tetapi masyarakat kini mencari atau membaca buku untuk mengubah nasib, menyelesaikan masalah serta mencari jawapan dalam kehidupan mereka. Penjelasan yang diberikan oleh Zainal Rashid ini bukan sahaja memperbetulkan andaian awal malah memberi pemahaman yang jelas terhadap realiti sebenar budaya membaca dalam masyarakat kontemporari. Hal ini menunjukkan bahawa kewujudan pasangan berdampingan andaian-penjelasan

mampu menghasilkan komunikasi yang baik serta berkesan sekali gus membina hubungan yang akrab serta mesra antara satu sama lain. Hal ini dikatakan demikian kerana hubungan manusia didasari oleh komunikasi yang baik dan berkesan (Nazihah Kamarudin et al., 2020).

KESIMPULAN

Dapatan menunjukkan bahawa interaksi antara P dan OWD tidak berlaku secara rawak, sebaliknya dibentuk oleh struktur turutan ujaran yang sistematik dan saling bergantung. Dalam konteks ini, P dan ODW memanfaatkan pelbagai pola pasangan bagi memastikan kesinambungan wacana dan kejelasan makna. Penggunaan pasangan berdampingan bukan sahaja menjadikan perbualan lebih teratur dan mudah difahami, malah turut meningkatkan penglibatan emosi dan kognitif khalayak. Hal ini sekali gus membantu pendengar menilai, memahami dan menghayati mesej yang disampaikan dengan lebih mendalam seterusnya menyumbang kepada pemahaman yang lebih jelas tentang peranan struktur perbualan dalam konteks media digital, khususnya audio siar wawancara.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan berkaitan dengan kajian in

PERNYATAAN SUMBANGAN PENULIS

Maizatul Aliya Ashiqin Faizal (Metodologi, pengurusan data, analisis formal, visualisasi, dan penulisan draf asal)

Azean Idruwani Idrus (Konseptualisasi, pengesahan, analisis formal, semakan dan penyuntingan manuskrip, serta penyeliaan)

PERNYATAAN ETIKA

Tidak berkaitan.

RUJUKAN

Algoe, S. B., Dwyer, P. C., Younge, A., & Oveis, C. (2020). A new perspective on the social functions of emotions: Gratitude and the witnessing effect. *Emotion Review*, 12(3), 192–200. https://doi.org/10.1177/1754073920912345

Amelia Latifah; Hero Gunawan, "Adjacency Pairs in ‘Daebak Show’ YouTube Video: Conversation Analysis," International Journal of English Linguistic, Literature, and Education, vol. 5, no. 02, Jan. 2024.

Azean Idruwani Idrus, Husna Zafirah Abdul Faudzli, Faridah Nazir, Mohd Saipuddin Suliman, Raja Noor Ashikin Raja Alias & Rohaidah Mashudi. (2026). *Wacana perbualan pasangan berdampingan: Analisis struktur dan fungsi interaksi*. Dalam *Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu XII (SALPBM XII)*: Bahasa dan peradaban bangsa (hlm. 47). Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Nazihah Kamarudin, Fauziah Ibrahim, & Nur Saadah Mohamad Aun. (2020). Faktor-faktor yang mempengaruhi komunikasi interpersonal dalam kalangan mahasiswa kerja sosial di universiti awam di Malaysia. Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication, 36(2), 52–70. https://doi.org/10.17576/JKMJC-2020-3602-04

Ehrlich, S., & Freed, A. F. (2009). The function of questions in institutional discourse: An introduction. In A. F. Freed & S. Ehrlich (Eds.), Why do you ask? The function of questions in institutional discourse (pp. 3–19). Oxford University Press. https://doi.org/10.1093/acprof:oso/9780195306897.003.0001

Brown, P., & Levinson, S. C. (1987). *Politeness: Some universals in language usage*. Cambridge University Press.

Ballena, C. T. (2021). Qualitative Research Interviewing: Typology of Graduate Students' Interview Questions. *Philippine Social Science Journal*, *4*(3), 96-112. https://doi.org/10.52006/main.v4i3.376

Clift, R. (2023). *Conversation analysis*. Cambridge University Press.

Fox, B. A., & Heinemann, T. (2021). Responses to compliments. *Research on Language and Social Interaction*, 54(3), 321–338.

Glenn, P., & Holt, E. (2021). Studies of laughter in interaction. *Journal of Pragmatics*, 178, 1–9.

Grice, H. P. (1975). Logic and conversation. In P. Cole & J. Morgan (Eds.), *Syntax and semantics* (Vol. 3, pp. 41–58). Academic Press.

Handoko, T. H. (2025). Kepentingan penghargaan dalam organisasi. *Jurnal Pengurusan Moden*, 10(1), 22–35.

Heritage, J. (1992). *Garfinkel and ethnomethodology*. Polity Press.

Heritage, J. (2012). Epistemics in action. *Research on Language and Social Interaction*, 45(1), 1–29.

Heritage, J. (2020). Conversation analysis and institutional talk. *Annual Review of Sociology*, 46, 367–388.

Heritage, J. (2021). Interactional competence. *Journal of Pragmatics*, 180, 1–14.

Heritage, J., & Clayman, S. (2010). *Talk in action: Interactions, identities, and institutions*. Wiley-Blackwell.

Herring, S. C. (2021). Computer-mediated discourse. *Annual Review of Linguistics*, 7, 147–168.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2026). *Adab berterima kasih dalam Islam*.

Kendrick, K. H. (2020). The intersection of turn-taking and action formation. *Language in Society*, 49(1), 1–27.

Kendrick, K. H., & Drew, P. (2016). Recruitment: Offers, requests, and the organization of assistance. *Research on Language and Social Interaction*, 49(1), 1–19.

Kendrick, K. H., Brown, P., Dingemanse, M., Floyd, S., & Rossi, G. (2020). Sequence organization. *Journal of Pragmatics*, 164, 1–10.

Lee, S. (2022). Identity and stance in interaction. *Discourse Studies*, 24(3), 345–362.

Levinson, S. C. (2013). *Pragmatics*. Cambridge University Press.

Mondada, L. (2021). Multimodal interaction. *Annual Review of Anthropology*, 50, 135–150.

Nguyen, T., & Do, T. (2022). Interactional practices in digital interviews. *Journal of Communication Studies*, 18(2), 55–70.

Omar Hazim Yaseen, & Amthal Mohammed Abbas. (2021). Interview discourse in media. *Journal of Media Linguistics*, 14(2), 23–38.

Park, Y., & Kim, S. (2024). Multimodal communication in digital interaction. *Journal of Pragmatics*, 210, 75–90.

Pillet-Shore, D. (2020). Compliments and responses. *Research on Language and Social Interaction*, 53(1), 1–25.

Pomerantz, A., & Heritage, J. (2013). Preference organization. *Handbook of Conversation Analysis*, 210–228.

Robinson, J. D. (2020). Accountability in social interaction. *Annual Review of Sociology*, 46, 215–234.

Rossi, G. (2020). Directive sequences. *Journal of Pragmatics*, 170, 1–12.

Schegloff, E. A. (2007). *Sequence organization in interaction*. Cambridge University Press.

Schegloff, E. A., & Sacks, H. (1973). Opening up closings. *Semiotica*, 8(4), 289–327.

Sidnell, J., & Stivers, T. (2013). *The handbook of conversation analysis*. Wiley-Blackwell.

Sidnell, J., & Stivers, T. (2022). Advances in conversation analysis. *Annual Review of Linguistics*, 8, 123–142.

Steensig, J., & Drew, P. (2022). Repair and interaction. *Journal of Pragmatics*, 195, 89–102.

Stivers, T. (2021). Turn-taking in interaction. *Annual Review of Linguistics*, 7, 143–160.

Stivers, T. (2022). Sequence organization and interaction. *Journal of Pragmatics*, 200, 1–12.

Stivers, T., & Robinson, J. D. (2021). Question-response sequences. *Journal of Pragmatics*, 180, 45–60.

Stivers, T., & Sidnell, J. (2020). Conversation analysis in context. *Annual Review of Anthropology*, 49, 201–217.

Syams Fajar, Farouk Imam Arrasyid, & Haira Rizka. (2023). Adjacency pairs in EFL classroom interaction. *Journal of Language Teaching*, 15(2), 78–95.

Thompson, S. A., Fox, B. A., & Couper-Kuhlen, E. (2021). Grammar in interaction. Cambridge University Press.

Waring, H. Z. (2021). Interactional practices in institutional talk. *Journal of Pragmatics*, 182, 45–60.

Umami, R., Irawan, N., Perangin-Angin, S., & Puspita, C. (2023). ADJACENCY PAIRS IN JOKOWI'S INTERVIEW WITH CNN HOST. Warta Dharmawangsa, 17(1), 229–240. https://doi.org/10.46576/wdw.v17i1.2936

Wisal Hamid Fendi Khalaf, & Emad Hayif Sameer. (2023). Adjacency pairs in sports interviews. *International Journal of Linguistics*, 15(3), 112–128.

Yule, G. (1996). *Pragmatics*. Oxford University Press.

Zuriatin Haer, Ela Ela, Hasbullah Hasbullah dan Andra Ade Riyanto. (2025). "Analisis Struktur Percakapan Dalam Podcast Deddy Corbuzier Episode Jerome Polin." ALINEA Jurnal Bahasa Sastra Dan Pengajarannya, vol. 5, no. 2, 14 Aug. 2025, pp. 498–512, doi.org/10.58218/alinea.v5i2.1561, https://doi.org/10.58218/alinea.v5i2.1561